

Headline	TNB catat pendapatan RM21.17 bilion		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	28 Apr 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Ekonomi	Page No	17
ArticleSize	134 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 7,945		



# TNB catat pendapatan RM21.17 bilion

**KUALA LUMPUR 27 April** - Tenaga Nasional Berhad (TNB) mencatatkan pendapatan sebanyak RM21.17 bilion bagi separuh pertama tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2016, jatuh 2.2 peratus berbanding RM21.64 bilion yang dilaporkan untuk tempoh sama tahun sebelumnya.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd berkata, kemerosotan pendapatan tersebut adalah disebabkan oleh pengiktirafan jumlah lebihan pemuliharaan pelepasan kos tidak seimbang (ICPT) sebanyak RM1.39 bilion, kesan daripada penurunan kos penjanaan berikutan harga bahan api yang rendah.

Katanya, keuntungan selepas cukai bagi tempoh sama dicatatkan pada RM3.28 bilion, susut 26.9 peratus berbanding RM4.48 bilion yang direkodkan tempoh yang sama tahun lalu.

Menurutnya, pelaporan jumlah ICPT dalam penyata kewangan TNB telah dilaksanakan buat pertama kalinya pada suku ketiga tahun kewangan 2015 dan hasilnya keuntungan selepas cukai TNB yang diselarasakan bagi separuh pertama tahun ini mencatatkan peningkatan sebanyak 7.7 peratus pada RM3.07 bilion yang disumbanginya terutamanya oleh pertumbuhan permintaan unit elektrik sebanyak 3.6 peratus.



“TNB terus mendapat faedah melalui pelaksanaan ICPT di bawah sistem kawal selia berasaskan insentif (IBR) dalam konteks pulangan yang stabil dan pendedahan terhad TNB daripada kesan turun naik kos penjanaan.

Dalam situasi semasa iaitu permintaan elektrik adalah tidak menentu serta perubahan corak penggunaan tenaga, pulangan TNB yang stabil merupakan instrumen strategi bagi perancangan masa depan syarikat,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut beliau, mekanisme ICPT telah menunjukkan bahawa walaupun terdapat pertumbuhan permintaan sebanyak 3.6 peratus bagi tempoh tersebut, penjimatan daripada penurunan kos penjanaan berikutan harga bahan api yang rendah akan dipulangkan semula kepada para pengguna.

Tambahnya, bagi menghadapi keadaan pasaran yang sentiasa berubah dan menuju ke arah perkembangan perniagaan, TNB sedang mengambil langkah-langkah positif untuk menjadi Juara Domestik dan Serantau (DRC).